

Penduduk Pulau Pinang digesa guna air secara berhemah

Tarikh kemaskini: 07/03/2019

GEORGE TOWN, 7 Mac (Bernama) - Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) menggesa penduduk di negeri ini supaya menggunakan air secara berhemah memandangkan paras air dari sungai utama telah mula menyusut.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Jaseni Maidinsa berkata cuaca panas dan kering telah menyebabkan penyusutan ketara kapasiti air di Empangan Air Itam serta paras Sungai Muda.

Beliau juga mengingatkan penduduk Pulau Pinang untuk memainkan peranan bagi meminimumkan risiko pcatuan air dengan mengurangkan penggunaan air harian mereka dan jangan menggunakan hos untuk membasuh kereta, menyiram pokok di taman atau membersihkan rumah.



"Peguna perlu mengurangkan penggunaan air setiap hari. Kita harus memastikan Pulau Pinang mempunyai air yang mencukupi sehingga hujan turun, untuk mengisi semula empangan dan meningkatkan paras air Sungai Muda yang menjadi sumber utama air mentah kita," katanya pada sidang media di sini hari ini.

Jaseni berkata PBAPP merancang untuk melaksanakan operasi pembenihan awan sekitar akhir Mac atau awal April apabila ketibaan monsun untuk memenuhi takungan air di empangan.

Beliau berkata sejak awal 2019, paras air di Empangan Air Itam telah susut sebanyak 31.8 peratus dengan kapasiti 60.4 peratus pada 6 Mac berbanding 92.2 peratus pada minggu pertama Januari.

"Sekarang, simpanan air mentah di Empangan Air Itam yang kini digunakan oleh 175,000 orang dijangka bertahan selama 59 hari jika tiada hujan turun sehingga April," katanya.

Beliau berkata bahawa paras air Sungai Muda yang merupakan sumber utama air mentah di Pulau Pinang juga menurun dengan ketara dengan paras sungai adalah 1.55 meter (m) semalam berbanding 2.35m pada minggu pertama Januari.

"Tanpa pelepasan air mentah dari Empangan Muda di Kedah, paras Sungai Muda akan menyusut di bawah paras kritikal sebanyak 1.5m." Lebih 80 peratus daripada bekalan air mentah Pulau Pinang diperoleh dari Sungai Muda," katanya.

Menurut Jaseni, walaupun terdapat penyusutan paras air di Pulau Pinang, ia masih berada di tahap yang selamat dan sebab mengapa PBAPP tidak melepaskan air dari Empangan Mengkuang ialah kerana empangan itu hanya digunakan untuk kes kecemasan

"Peranan Empangan Mengkuang adalah sebagai empangan strategik ... kita tidak melepaskan air setiap hari. Jika apa-apa berlaku kepada bekalan air dari Sungai Muda atau berlaku kes kecemasan seperti tahun 2016 iaitu fenomena El Nino, barulah air akan dilepaskan," katanya.

-- BERNAMA